



**KATEGORI, ASAS-ASAS DAN KAEDAH PENCALONAN**  
**ANUGERAH SENI NEGARA (ASN) TAHUN 2024**

**A. Kategori Pencarian/ Pencalonan:**

- i. **Anugerah Karyawan Seni Muzik**
- ii. **Anugerah Karyawan Seni Tari**
- iii. **Anugerah Karyawan Seni Lakon (Pementasan)**
- iv. **Anugerah Karyawan Seni Kraf**
- v. **Anugerah Karyawan Seni Visual**

**B. Asas-Asas Pencalonan:**

i. **Asas-Asas Pencalonan Bidang Seni Muzik:**

- Merupakan tokoh, penggiat atau aktivis bidang seni muzik warganegara Malaysia.
- Mempunyai kepakaran dalam bidang seni muzik sekurang-kurangnya 25 tahun pengalaman dan masih aktif pada tarikh pencalonan.
- Menunjukkan bakat yang tinggi dalam bidang seni muzik secara berterusan dan konsisten.
- Melahirkan karya-karya hebat yang memberikan impak kepada industri seni muzik.
- Membimbing dan membentuk bakat baharu yang berjaya.
- Mempunyai sifat kepimpinan dalam bidang seni muzik di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa.
- Mencapai kecemerlangan serta menunjukkan kewibawaan dalam bidang seni muzik.
- Mempunyai lain-lain nilai tambah yang boleh diperakukan oleh jawatankuasa pencarian/pencalonan.

ii. **Asas-Asas Pencalonan Bidang Seni Tari:**

- Merupakan tokoh, penggiat atau aktivis bidang seni tari warganegara Malaysia.
- Mempunyai kepakaran dalam bidang seni tari sekurang-kurangnya 25 tahun pengalaman dan masih aktif pada tarikh pencalonan.
- Menunjukkan bakat yang tinggi dalam bidang seni tari secara berterusan dan konsisten.
- Melahirkan karya-karya hebat yang memberikan impak kepada industri seni tari.
- Menunjukkan ketokohan dalam membimbing dan membentuk bakat baharu yang berjaya.
- Mempunyai sifat kepimpinan dalam bidang seni tari di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa.
- Mencapai kecemerlangan serta menunjukkan kewibawaan dalam bidang seni tari.

iii. **Asas-Asas Pencalonan Bidang Seni Lakon (Pementasan):**

- Merupakan tokoh, penggiat atau aktivis bidang seni lakon (pementasan) warganegara Malaysia.
- Mempunyai kepakaran dalam bidang seni lakon (pementasan) sekurang-kurangnya 25 tahun pengalaman dan masih aktif pada tarikh pencalonan.
- Menunjukkan bakat yang tinggi dalam bidang seni lakon (pementasan) secara berterusan dan konsisten.
- Melahirkan karya-karya hebat yang memberikan impak kepada industri seni lakon (pementasan).
- Menunjukkan ketokohan dalam membimbing dan membentuk bakat baharu yang berjaya.
- Mempunyai sifat kepimpinan dalam bidang seni lakon di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa.
- Mencapai kecemerlangan serta menunjukkan kewibawaan dalam bidang seni lakon (pementasan).

**iv. Asas-Asas Pencalonan Bidang Seni Kraf:**

- Merupakan tokoh, penggiat atau aktivis bidang seni kraf warganegara Malaysia.
- Mempunyai kepakaran dalam bidang seni kraf sekurang-kurangnya 25 tahun pengalaman dan masih aktif pada tarikh pencalonan.
- Menunjukkan bakat yang tinggi dalam bidang seni kraf secara berterusan dan konsisten.
- Melahirkan karya-karya hebat yang memberikan impak kepada industri seni kraf.
- Menunjukkan ketokohan dalam membimbing dan membentuk bakat baharu yang berjaya.
- Mempunyai sifat kepimpinan dalam bidang seni kraf di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa.
- Mencapai kecemerlangan serta menunjukkan kewibawaan dalam bidang seni kraf.
- Mempunyai lain-lain nilai tambah yang boleh diperakukan oleh jawatankuasa pencarian/pencalonan.

**v. Asas-asas Pencalonan Bidang Seni Visual :**

- Merupakan tokoh, penggiat atau aktivis bidang seni visual warganegara Malaysia.
- Mempunyai kepakaran dalam bidang seni visual sekurang-kurangnya 25 tahun pengalaman dan masih aktif pada tarikh pencalonan.
- Menunjukkan bakat yang tinggi dalam bidang seni visual secara berterusan dan konsisten.
- Melahirkan karya-karya hebat yang memberikan impak kepada industri seni visual.
- Menunjukkan ketokohan dalam membimbing dan membentuk inspirasi bakat baharu yang berjaya.
- Mempunyai sifat kepimpinan dalam bidang seni visual di peringkat negeri/ kebangsaan/ antarabangsa.

- Mencapai kecemerlangan serta menunjukkan kewibawaan dalam bidang seni visual.
- Mempunyai lain-lain nilai tambah yang boleh diperakukan oleh jawatankuasa pencarian/pencalonan.

### **C. Kaedah Pencalonan**

- i. **Borang pencalonan ASN 2024** boleh diperolehi daripada laman web Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), iaitu **[www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my)**.
  
- ii. Borang yang telah lengkap diisi beserta dokumen sokongan perlulah dikemukakan melalui **e-mel dalam bentuk *softcopy*** kepada Ketua Pengarah Jabatan/ Agensi yang menguruskan Jawatankuasa Pencarian/ Pencalonan ASN 2024 mengikut bidang pencalonan seperti berikut:
  - i. **Bidang Seni Muzik**  
Rektor  
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan  
464, Jalan Tun Ismail  
50480 Kuala Lumpur  
No. Telefon : 03-2778 5999/ 5922/ 5973/ 5923  
E-mel : **[bkk@aswara.edu.my](mailto:bkk@aswara.edu.my)**
  
  - ii. **Bidang Seni Tari**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
Aras 34, Menara Th Perdana  
Lot 1001, Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
No. Telefon : 03-2614 8200  
E-mel : **[senitarians@jkkn.gov.my](mailto:senitarians@jkkn.gov.my)**

iii. **Bidang Seni Lakon (Pementasan)**

Ketua Pengarah

Istana Budaya

Jalan Tun Razak

50694 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-4026 5629/ 5688

E-mel : **info@istanabudaya.gov.my**

iv. **Bidang Seni Kraf**

Ketua Pengarah

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

Kompleks Kraf Kuala Lumpur

Seksyen 63, Jalan Conlay

50450 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-2162 7459

E-mel : **asn kraf@kraftangan.gov.my**

v. **Bidang Seni Visual**

Ketua Pengarah

Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara

No. 2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak

53200 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-4026 7000

E-mel : **ASN\_LPSVN@artgallery.gov.my**